

Fokus: Bermulanya Program Khidmat Negara



Generasi muda Malaysia sedang berlatih di kem Khidmat Negara.

Mengajar Anak-anak Zaman Kemakmuran

RM500 juta setahun biaya Program Latihan Khidmat Negara bukanlah perbelanjaan biasa. Ia adalah pelaburan untuk membentuk generasi yang bakal mewarisi Malaysia

“**S**AYA bukan suka sangat tetapi saya telah terpilih, jadi saya tiada pilihan. Saya akan berfikir positif dan menganggapnya sesuatu yang *adventure*,” kata Jon Tan. Remaja lelaki berusia 18 tahun itu menyertai 26,000 kumpulan pertama Program Latihan Khidmat Negara yang sudah pun bermula 16 Februari lalu.


Jon Tan adalah daripada kalangan generasi baru Malaysia yang kurang atau tidak berinteraksi langsung dengan kumpulan etnik lain. Di sekolah Cinanya di Kuala Lumpur, hanya terdapat beberapa orang pelajar Melayu dan India. Menurut pelajar ini, dia lebih banyak bertutur dalam bahasa Mandarin dan menggunakan bahasa Melayu semata-mata ia bahasa pengantar di sekolah, bukan disebabkan dia mempunyai kawan-kawan Melayu.

Sejak beberapa tahun kebelakangan, kerajaan telah mengesan tanda-tanda buruk perhubungan kaum di sekolah dan kampus universiti di mana pelajar-pelajar daripada kaum berlainan tidak bercampur gaul. Statistik pula menunjukkan sekolah kebangsaan didominasi pelajar Melayu, manakala orang Cina memilih sekolah Cina. Begitu juga dengan etnik India yang ramai menghantar anak-anak mereka sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Sebagai jawapan segera kepada kebimbangan ini, 41 kem Khidmat Negara di seluruh negara telah dibentuk supaya mewakili komposisi kaum di negara ini, 50 peratus Melayu, 25 peratus Cina dan selebihnya kaum India atau kumpulan etnik lain. Tahun ini, 85,000 remaja berusia 17 dan 18 tahun telah dipilih untuk menghadiri program wajib ini. Kerajaan

pula telah memperuntukkan sejumlah RM500 juta untuk menjayakan agenda nasional tersebut.

Di salah sebuah kem terbesar, di Kuala Kubu Baharu, 75 kilometer ke utara Kuala Lumpur, remaja-remaja yang terlibat telah diberi gambaran tentang kediaman sementara mereka untuk tempoh 12 minggu akan datang. Seramai 948 peserta akan tidur di atas katil kecil dalam khemah yang dikongsi bersama sembilan orang lain dan mandi menggunakan pancur air yang sama. Masing-masing diberi tilam, kain selimut dan kelambu. Mereka perlu bangun dari tidur seawal 6.00 pagi manakala lampu akan ditutup pada pukul 10.30 malam setiap hari. Untuk menggalakkan interaksi, setiap khemah dihuni oleh enam orang remaja Melayu, tiga Cina dan seorang India atau



Di khemah inilah remaja Malaysia akan belajar makna kesusahan dan adventure.

Khidmat Negara bukan untuk melatih mereka menjadi tentera. Matlamatnya adalah bagi memupuk perpaduan kaum, mempelajari kemahiran kepimpinan dan berdikari

individu dari Sabah atau Sarawak.

"Khidmat Negara bukan untuk melatih mereka menjadi tentera. Matlamatnya adalah bagi memupuk perpaduan kaum, mempelajari kemahiran kepimpinan dan berdikari," kata pengarah kem berkenaan, Michael Yei.

Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, Kolonel Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri mengatakan program ini berbeza dengan konsep Khidmat Negara di Singapura. Memang Malaysia pernah membuat kerahan tenaga seperti di negara jiran itu pada 1952 dan 1960-an iaitu apabila berlaku konfrontasi dengan Indonesia.

"Tetapi Khidmat Negara berbeza kerana mereka tidak berkhidmat dalam tentera. Kita telah mengubahsuai dengan keperluan remaja masa kini," katanya.

Terdapat empat modul yang disediakan dalam latihan ini. Pertama, modul fizikal. Selama 30 hari, para peserta akan



menjalani latihan yang tidak sampai 10 peratus mengikut latihan ketenteraan dan selebihnya bersifat *adventure*. Ada kawat tetapi tidak menggunakan senjata. Mereka berlatih mengenali hutan, tinggal di hutan dan mempelajari bagaimana mahu *survive* dalam dunia yang jauh daripada segala kemudahan. Selepas itu mereka ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) selama dua bulan untuk menyempurnakan tiga lagi modul.

Modul kedua ialah pembinaan karakter dengan menerapkan nilai-nilai positif. Selepas itu modul kenegaraan yang lebih kepada perkara-perkara mengenai negara seperti soal tanah, rakyat, kerajaan dan kedaulatan. Modul terakhir ialah khidmat komuniti. Mereka akan menjalankan khidmat komuniti yang turut dibahagikan kepada submodul termasuk kejiranan, kemudahan awam dan alam sekitar.

Bagaimanapun pada pandangan

umum, program ini adalah satu dasar baru yang memerlukan mereka yang terbabit mengorbankan 'keselesaan' selama tiga bulan dengan tinggal dalam khemah. Mereka perlu belajar erti hidup dalam satu kelompok masyarakat daripada pelbagai kaum, berdikari tanpa ibu bapa serta melupakan soal keseronokan di luar sana.

Inilah saat getir yang harus dihadapi oleh remaja-remaja berkenaan. Memang pada usia begini, ramai yang inginkan keseronokan terutama bersama rakan-rakan - bersiar-siar, melepak di kompleks beli-belah ataupun menonton wayang. Kini mereka terpaksa melupakan semua keseronokan itu buat sementara waktu.


"Tetapi jika diamati, Khidmat Negara juga mempunyai tahap keseronokan tersendiri bagi peringkat usia remaja. Ini kerana program ini bersifat ala *summer camp* dan aktiviti mempunyai kesesuaian dengan naluri remaja," ulas Ketua Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia UKM, Dr. Khaidzir Ismail. Pakar psikologi perkembangan kanak-kanak dan remaja ini menambah: "Saya fikir ia satu program yang baik untuk peringkat usia remaja. Tidak timbul soal bosan atau beban seperti yang difikirkan kebanyakan pihak sebaliknya ia bersesuaian dengan sifat semula jadi remaja yang inginkan aktiviti lasak, mencabar serta berkumpulan."

Mungkin juga ada yang beranggapan program ini satu 'penderaan' kepada anak-anak mereka tetapi ia sebenarnya cukup sihat bagi proses perkembangan mereka. Selain dapat menghindarkan tabiat membuang masa selepas habis menduduki peperiksaan atau tamat persekolahan, ia mampu untuk menyemai sifat-sifat jati diri sebagai anak Malaysia.

"Ibu bapa tidak perlu khuatir terhadap keselamatan ataupun program ini membebankan anak-anak. Mereka harus melihat kesan positif yang dapat ditanam dalam diri generasi muda ini.

"Yang kita patut khuatir ialah pelbagai macam gejala sosial di kalangan remaja hari ini. Sekurang-kurangnya kerajaan telah mencari satu pendekatan untuk menyelamatkan masyarakat daripada terus hilang jati diri," ujar Dr. Khaidzir.

Pendekatan ini juga turut dipersetujui oleh Presiden Bekas-bekas Polis Malaysia (PBBPM), Datuk Mansor Md. Jaafar yang yakin ia mampu memberi satu pengalaman yang tidak akan dapat dilupakan oleh para peserta seumur hidup mereka. Beliau percaya pengalaman bersama



Remaja tidak harus takut mengharungi pengalaman Khidmat Negara.

Suasana sesi makan di kem-kem.

rakan-rakan dalam unit pakaian seragam adalah cukup berharga. "Remaja tidak harus takut dengan pengalaman ini. Ia adalah pengalaman cukup bermakna walaupun mereka akan terasa perit semasa menjalani latihan.

"Kita akan sedar betapa berharganya bekerja secara berkumpulan dan ia akan mengajar kita untuk lebih berdisiplin dan menghargai hubungan sesama ra-

kan-rakan lain," tambahnya.

Bagi Mansor, beliau percaya selepas tiga bulan, remaja-remaja ini akan dapat menilai kesan program seperti itu kepada mereka. Ia bukan sekadar satu kerahan tenaga seperti yang dianggap oleh sesetengah orang sebaliknya tempat untuk membakar semangat dan membina satu semangat yang lebih berkobar-kobar dalam jiwa mereka.

Semangat seperti itulah yang akan memenuhi jiwa kosong mereka supaya tidak terlalu mudah terpengaruh dengan gejala-gejala negatif.

Baik ibu bapa mahupun masyarakat keseluruhannya mereka wajar memberi sokongan seratus peratus kepada program seperti ini demi masa depan generasi akan datang. "Kita tidak boleh terus-menerus bercakap soal keruntuhan akh-

Apa Yang Anda Perlu Tahu?

KABINET pada 28 Mei 2003 telah meluluskan cadangan pelaksanaan Program Khidmat Negara dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang Akta Latihan Khidmat Negara pada 25 Jun 2003 manakala Dewan Negara meluluskan Rang Undang-undang ini pada 7 Julai 2003. Pada 16 Februari lalu bermulalah kumpulan pertama peserta Program Latihan Khidmat Negara.

Siapa Pesertanya?

MENGIKUT Akta Latihan Khidmat Negara 2003, mereka yang berumur tidak kurang 16 tahun dan tidak melebihi 35 tahun diwajibkan mengikuti Program Khidmat Negara.

Seseorang yang telah dipanggil untuk latihan tetapi gagal menghadirkan diri boleh didenda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan. Seseorang yang melakukan kesalahan dengan meninggalkan latihan boleh didenda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya.

Berapa ramai terlibat tahun ini?

SERAMAI 85,000 daripada 450,000 remaja berusia 17 hingga 18 tahun yang telah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia di seluruh

negara dipilih secara rawak untuk menyertai PLKN. Pengambilan kumpulan pertama melibatkan 26,000 peserta yang akan menghadiri kursus di 41 buah kem. Kumpulan seterusnya akan mengikuti kursus secara berperingkat-peringkat bermula pada Mac dan April ini. Daripada jumlah itu, 6,000 peserta masih gagal dikesan.

Berapa lama latihan?

PLKN mengambil masa latihan selama tiga bulan. Sebulan pertama peserta akan mengikuti latihan fizikal serta berkhemah di kem-kem yang disediakan. Bulan kedua dan ketiga ditempatkan di asrama intitusi pengajian tinggi awam (IPT) bagi mengikuti latihan di kelas.

Berapa banyak peruntukan disediakan kerajaan?

KERAJAAN memperuntukkan RM500 juta bagi tujuan pelaksanaan PLKN termasuk penyediaan pakaian seragam serta kemudahan dan peralatan untuk peserta.

Mengapa Program Latihan Khidmat Negara diperkenalkan?

PROGRAM ini bertujuan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukan-



lak generasi muda hari ini tanpa berbuat sesuatu. Kita mahu anak-anak kita berakhlak, menghormati orang tua, bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara tetapi kita sendiri tidak mampu untuk membentuk mereka ke arah itu. Soalnya bagaimana," tanya beliau.

Oleh sebab itu beliau amat berharap program seperti ini dijadikan satu platform bagi seluruh rakyat Malaysia untuk

membentuk generasi muda yang lebih berkualiti dalam erti kata sebenar. Walaupun ia mungkin ada kelemahannya pada peringkat awal pelaksanaan tetapi masyarakat harus menyokong bagi menjayakannya.

"Ia adalah satu usaha murni untuk masa depan negara, jadi tidak perlulah kita mempolitikkan kepentingan negara ini," tegas Mansor yang begitu kecewa dengan sikap segelintir pihak yang cuba mencemarkan matlamat sebenar Khidmat Negara.

Sementara itu, Pengerusi Biro Pendidikan, Pemuda MCA, Ir. Wee Ka Siong, berpendapat ini adalah satu-satunya cara terbaik untuk membentuk satu bangsa Malaysia. Kata Wee, ia bukan sekadar program kosong yang membuang masa tetapi mempunyai kesan mendalam untuk jangka panjang. "Saya percaya inilah pendekatan terbaik bagi kita masyarakat pelbagai kaum untuk lebih memahami antara satu sama lain. Ini peluang untuk kita menjalinkan persahabatan yang lebih tulen dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini," ujarnya ketika dihubungi MASSA.

Menurut Wee, beliau sedar integrasi masyarakat dahulu lebih erat berbanding hari ini. Kemesraan antara kaum semakin kurang kerana masing-masing hidup dalam kelompok yang terasing.

"Walaupun kita mempunyai banyak program silaturahmi tetapi ia tidak me-

madai. Tetapi menerusi program ini, satu jalinan persahabatan yang lebih erat dan luhur dapat dibentuk. "Mereka dilatih untuk menyesuaikan diri dalam kumpulan yang terdiri daripada orang Cina, India, Melayu dan pelbagai suku kaum lagi. Dalam keadaan ini perasaan persahabatan itu akan terjalin dengan sendirinya apabila mereka berkongsi susah senang bersama-sama, baik di tempat tidur, makan mahupun ketika berlatih," jelas beliau.

Dengan hujah-hujah tersebut, ternyata Khidmat Negara merupakan program untuk meningkatkan kecerdasan, menambah ilmu kenegaraan dan memantapkan ketaatan kepada negara. Ia juga mahu melahirkan remaja yang lebih berdisiplin, berfikiran positif dan berdaya saing serta mampu menolak nilai negatif dalam masyarakat.

Hakikat Khidmat Negara dijalankan di zaman individualistik dan materialistik, ketika orang tidak mahu bercakap soal orang lain, dan hanya mengambil tahu diri sendiri serta menganggap negara tidak penting, program ini sebenarnya satu pelaburan yang besar. Ia mengajar anak-anak zaman kemewahan dan kemakmuran mengenal erti kesusahan, belajar mencintai negara dan menyayangi rakan tanpa mengira agama dan warna kulit. Mereka yang sudah terdidik inilah yang seharusnya mewarisi dan menguruskan kemakmuran Malaysia di masa depan. □

lah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana ia dilaksanakan ala Malaysia berteraskan tiga modul utama.

Adakah ia bercorak ketenteraan?

TIDAK. Objektif Khidmat Negara bukan untuk memenuhi keperluan ketenteraan atau keselamatan negara sebagaimana yang dipraktikkan di negara-negara lain. Ia menekankan kepada objektif-objektif yang telah disasarkan iaitu membina generasi muda yang bersemangat patriotik dan cinta kepada negara, mengeratkan perpaduan masyarakat berbilang kaum, menimbulkan keperihatinan dan kesukarelaan untuk berjasa kepada masyarakat, melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas serta penuh keyakinan diri, dan membentuk perwatakan positif di kalangan generasi muda menerusi penerapan nilai-nilai murni.

Apakah skop latihan Khidmat Negara?

SKOP latihan PLKN mengambil masa selama tiga bulan. Terdapat empat modul dalam PLKN iaitu modul fizikal, modul kenegaraan, modul pembinaan karakter dan modul khidmat komuniti.

Aktiviti-aktiviti utama modul fizikal adalah asas kawad, tali tinggi, asas pertahanan diri dan kraf hutan. Modul kenegaraan membincangkan sejarah tanah air, kedaulatan dan maruah

negara, Malaysia dan isu antarabangsa, pertahanan dan keselamatan negara serta tanggungjawab rakyat kepada negara.

Modul pembinaan karakter. Memberi tekanan kepada penerapan nilai-nilai murni dan seجات, keyakinan diri, kepimpinan dan penilaian diri sendiri. Modul khidmat komuniti melibatkan peserta dalam aktiviti membina dan membaik pulih kemudahan awam, pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar, gotong-royong dan kejranaan serta aktiviti kesukarelaan.

Siapakah boleh dikecualikan daripada menyertai Khidmat Negara?

HANYA terdapat lapan kategori orang yang boleh dikecualikan daripada menghadiri program ini iaitu:

- * Orang yang bercelaru mental.
- * Orang yang telah diperakukan oleh pegawai perubatan kerajaan mengalami kecacatan fizikal.
- * Orang yang menjalani hukuman pemenjaraan.
- * Orang yang menjalani tahanan.
- * Orang yang menjalani rawatan dan pemulihan.
- * Orang yang menjalani tahanan di bawah Akta Kanak-kanak 2001.
- * Orang yang menghidap penyakit yang boleh membawa maut.
- * Orang yang menghidap penyakit berjangkit (penyakit membawa maut).